

HUKUM PENGHASILAN DAN PENGAMBILAN PRODUK UDANG GALAH NEO (*MACROBRACHIUM ROSENBERGII*)

Udang Galah Neo atau nama saintifiknya *Macrobrachium Rosenbergii* adalah spesies hidupan air yang sentiasa mempunyai permintaan tinggi daripada penggemarnya selain berpotensi besar untuk pasaran tempatan dan luar negara. Udang Galah Neo ini menggunakan kaedah monoseks. Monoseks berasal dari dua kata iaitu mono yang bermaksud satu/ tunggal dan seks yang ertinya jenis kelamin. Jadi monoseksual bererti jenis kelamin satu/ tunggal/ sama. Monoseks merujuk kepada sama ada keseluruhan populasi semua jantan atau betina.

Secara asasnya, hukum Udang Galah Neo adalah halal dimakan dan ia telah terbukti mampu memberi pelbagai kebaikan kepada keperluan hidup manusia. Hukum tersebut adalah berasaskan kepada prinsip-prinsip berikut:

1. Prinsip haiwan halal

Jika diperhatikan, proses ubah suai sifat Udang Galah Neo daripada sifat biasa kepada sifat yang lebih besar adalah bersifat teknologi semata-mata tanpa terdapat di dalamnya bahan-bahan yang diharamkan. Bukan sekadar itu sahaja, udang galah itu sendiri telah dihalalkan oleh Islam menerusi mazhab Syafi'i tanpa sebarang khilaf. Kesemua proses teknologi yang berlaku dalam menghasilkan Udang Galah Neo ini juga menepati prinsip haiwan halal yang telah ditetapkan oleh syarak. Justeru, para saintis perlu amanah dalam hal ini selain memastikan proses-proses baharu untuk menghasilkan produk-produk makanan baharu untuk turut dikawal selia oleh para fuqaha. Semua itu bertujuan untuk memastikan produk makanan umat Islam tidak dipermainkan oleh mereka yang tidak bertanggungjawab.

2. Prinsip penyembelihan

Udang Galah Neo adalah haiwan air yang halal dimakan tanpa perlu kepada proses penyembelihan sebagaimana dilakukan kepada haiwan darat. Proses penghasilan udang tersebut juga tidak menggunakan bahan-bahan daripada haiwan darat sama ada yang hidup atau yang telah mati. Maka hukum kehalalannya adalah lebih terjamin

kerana bahan-bahan yang dimasukkan kepada Udang Galah Neo tidak melibatkan haiwan darat. Oleh yang demikian, makanan berasaskan Udang Galah Neo adalah halal dimakan selagi tiada sebarang bukti yang menunjukkan ia terhasil daripada sumber haiwan yang tidak disembelih dan najis dimakan.

3. Prinsip tidak bersumberkan najis

Setelah analisis dilakukan ke atas proses penghasilan Udang Galah Neo ini, didapati tiada sebarang najis sama ada daripada haiwan atau sebagainya yang telah bercampur di dalam DNA-nya. Oleh itu, ia halal dimakan kerana menepati prinsip ini.

4. Prinsip *istihalah tammah*

Udang Galah Neo yang dimasukkan ke dalamnya bahan kimia telah berjaya dihasilkan bagi tujuan meningkatkan kualiti saiz yang lebih besar berbanding asal. Tidak cukup sekadar itu sahaja, tetapi proses untuk menghasilkannya telah mengubah banyak sifat fizikal dan ia tidak diklasifikasikan oleh para saintis sebagai haiwan najis atau memudaratkan kepada manusia. Bahkan telah terbukti ia suci dan boleh dijadikan makanan yang selamat. Kajian juga membuktikan bahawa proses *istihalah tammah* telah berlaku secara menyeluruh walaupun pada asalnya ia tidak bernajis dan hanya menggunakan bahan kimia. Maka tepatlah kaedah fiqh yang menegaskan hal ini:

استحالة الأحكام باستحالة الأسماء، واستحالة الأسماء باستحالة الصفات

Maksudnya: "Perubahan sesuatu hukum dalam sesuatu bahan (makanan dan minuman) bergantung kepada perubahan nama. Perubahan yang berlaku pada nama bahan tersebut pula bergantung pada perubahan sifatnya." (Ibnu Hazm, 1990)

5. Prinsip *maslahah* dan *mafsadah*

Setelah kajian membuktikan bahawa Udang Galah Neo ini mampu untuk menambah kualiti sifat udang galah sedia ada, maka para ulama bersepakat menghalalkannya selagi ia tidak mendatangkan kemudaratan kepada manusia. Apatah lagi apabila didapati keperluan manusia kepada udang galah yang semakin kecil saiznya

manakala harganya sangat lumayan. Bagi mengatasi masalah ini, para saintis telah berusaha sedaya upaya untuk menghasilkan Udang Galah Neo yang terhasil daripada ubah suai sifat asal udang galah jantan hingga ia dapat bertelur dan menghasilkan Udang Galah Neo yang besar saiznya dan lebih berkualiti.

Berdasarkan kepada kenyataan dan bukti saintifik di atas, jelas menunjukkan bahawa penghasilan Udang Galah Neo berkenaan memberikan *masalah* dan tidak mendatangkan *mafsadah*.

Kesimpulan

Mesyuarat Lembaga Fatwa Sarawak Kali Ke-41 pada 30 Rabi'ul Akhir 1445 bersamaan 14 November 2023 telah memutuskan bahawa hukum penghasilan produk Udang Galah Neo (*Macrobrachium Rosenbergtii*) adalah diharuskan dan halal dimakan selagimana ia dihasilkan dengan menggunakan bahan dan medium yang halal.



جَابِتَرُ مَفْتِي سَرَاوَقِ
JABATAN MUFTI SARAWAK